



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

AKTIVITI PENGGAMBARAN SEMASA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

PUTRAJAYA, 14 Mei 2020 – Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah menerima permohonan daripada pelbagai persatuan bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalankan aktiviti penggambaran sewaktu tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Kementerian juga menerima pelbagai cadangan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi aktiviti penggambaran daripada persatuan filem tempatan dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah pun meneliti SOP tersebut. Cadangan SOP tersebut telah dibawa untuk pertimbangan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 42 Tahun 2020 pada hari ini.

Walaupun bagaimanapun, mesyuarat ini akan memutuskan pelaksanaan SOP tersebut dalam masa terdekat, iaitu setelah meneliti impak pelaksanaan PKPB dan kesan pembukaan semula operasi sektor ekonomi.

KKMM akan sentiasa berusaha bagi memastikan Industri Kreatif terus berkembang pesat dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
14 Mei 2020

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Karen Kesawathany Arukesamy di talian
017-6962693*